

13/02/2003

OIC tidak berdaya: PM

JITRA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Persidangan Negara Islam (OIC) tidak dapat bertindak bagi menghalang serangan ke atas Iraq kerana ia lemah dan pandangannya tidak dihiraukan Amerika Syarikat.

Beliau berkata, sebaliknya pendirian Perancis, Jerman dan Belgium dilihat lebih tegas berbanding OIC dalam isu serangan ke atas Iraq walaupun negara berkenaan tidak sekuat Amerika.

(Tiga negara Eropah itu menghalang rancangan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) melindungi Turki yang mungkin dijadikan pangkalan tentera udara Amerika Syarikat bagi melancarkan serangan ke atas Iraq.)

"Kita dapati OIC ini tidak mengambil apa-apa tindakan (mengenai isu Iraq) kerana dia tahu dia lemah dan apa juga pendapatnya tidak akan dihiraukan Amerika.

"Sebaliknya kita dapati Perancis, Jerman dan Belgium tegas pendirian mereka menentang serangan terhadap Iraq," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas majlis rumah terbuka Aidiladha di Dewan Wawasan di sini, semalam.

Sehubungan itu, katanya negara Islam perlu menjadi kuat jika berhasrat membantu umat Islam lain.

"Sebaliknya kita dapati semua negara Islam lemah. Sebab itu mereka sendiri faham mereka tidak punyai pengaruh dalam menentukan nasib umat Islam sendiri," katanya.

Namun Dr Mahathir berkata, Malaysia sanggup menyediakan kemudahan bagi membolehkan OIC mengadakan mesyuarat khas mengenai krisis Iraq itu walaupun ketika Persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) berlangsung di ibu negara minggu depan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri khawatir apa jua keputusan yang dicapai oleh mesyuarat OIC itu tidak dihiraukan oleh sesiapa.

Dr Mahathir juga mengaitkan kelemahan OIC dengan tindakan sesetengah anggotanya yang memberi sokongan kepada Amerika dalam isu serangan ke atas Iraq.

Ditanya saranan sesetengah pihak supaya umat Islam berjihad mempertahankan Iraq, beliau berkata:

"Itu cadangan bodoh. Kita berjihad kalau boleh berjaya. (Kalau) cuma hendak berjihad pasal hendak mati saja, itu bukan jihad. Hendak berperang mesti ada strategi, kekuatan dan kemungkinan boleh menang.

"Kita tahu akan kalah, cuma pergi sebab geram dan bunuh orang. Bunuh pula bukan tentera (tetapi) bunuh orang ramai. Saya tidak nampak apa faedah selain melepas geram," katanya.

Mengenai sambutan Aidiladha di Malaysia, Dr Mahathir berkata, rakyat perlu bersyukur dan terus mengekalkan keamanan negara serta tidak melakukan kegiatan yang boleh melemahkan kerajaan seperti terbabit dengan kumpulan militan.

"Kita patut ingat di Malaysia kita boleh sambut hari raya dan perayaan lain dalam keadaan aman (sedangkan) pada waktu ini ramai orang Islam

menghadapi ugutan serangan, dibunuh di Palestin dengan begitu mudah hingga yang duduk dalam rumah pun dirobuhkan, budak ditembak mati dan yang tidak kena mengena dengan perang pun dibunuh," katanya.